



GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bab 1: PENGENALAN KEPADA GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1.1 DIFINISI GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Geran Penyelidikan Ilmiah Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah geran yang disediakan oleh kerajaan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan ilmiah dalam bidang keselamatan dan ketenteraman awam ke arah menjana modal intelektual, idea/ penemuan baru dan penciptaan inovatif yang terkini, seiring dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

1.2 OBJEKTIF GERAN PENYELIDIKAN KDN

Pembiayaan penyelidikan ini merupakan inisiatif KDN dalam meneruskan usaha untuk mempertingkatkan keupayaan kerajaan dalam pencegahan jenayah berlandaskan kepada Komitmen Utama KDN khususnya dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara.



Geran ini juga bertujuan menggalakkan penglibatan penyelidik-penyelidik profesional meliputi pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA dan IPTS) dan pihak perunding.

1.3 BIDANG PENYELIDIKAN

Bidang-bidang penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Ilmiah KDN adalah:

- i. Keselamatan & Ketenteraman Awam;
- ii. Hal-Ehwal Imigresen, Antarabangsa & Pembenterasan Jenayah Merentasi Sempadan;
- iii. Pendidikan Pencegahan, Membenteras Penyalahgunaan dan Memerangi Pengedaran Dadah;
- iv. Keberkesanan Program Pemulihan & Pelaksanaan Hukuman;
- v. Dokumen pendaftaran diri;
- vi. Gerakan Gelombang Kesukarelawan ;
- vii. Keselamatan Siber; dan
- viii. Kecemerlangan Penyampaian Perkhidmatan

1.4 KRITERIA PEMILIHAN

1. Permohonan geran ini adalah terbuka kepada semua penyelidik profesional yang bekerja secara tetap atau kontrak daripada organisasi seperti berikut:
 - i. Pensyarah Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA dan IPTS); dan
 - ii. Syarikat perunding.

Nota:

- “*Expatriates*” yang bekerja secara kontrak dengan salah satu daripada organisasi di atas juga layak memohon. Walau



bagaimanapun, di dalam kumpulan penyelidik mestilah mempunyai ahli yang terdiri daripada warga negara Malaysia daripada organisasi yang sama bagi memastikan penyelidikan dapat diselesaikan walaupun kontrak "*Expatriates*" telah ditamatkan.

- Kontrak "*Expatriates*" bersama organisasi haruslah sah disepanjang tempoh perjanjian penyelidikan dijalankan dan dokumen kontrak haruslah disertakan sebagai bukti.
2. Proposal penyelidikan yang serupa tidak boleh dihantar kepada mana-mana organisasi kerajaan yang lain yang menawarkan geran penyelidikan.
 3. Ketua Penyelidik hanya boleh mengetuai hanya satu (1) penyelidikan dalam satu masa. Ketua Penyelidik perlulah menghantar Laporan Akhir Penyelidikan Ilmiah kepada KDN sebelum membuat permohonan penyelidikan yang baru. Sekiranya pemohon mendapat lebih dari satu geran, maka penyelidik berkenaan hanya dibenarkan menjadi ahli sahaja dalam penyelidikan berkenaan.
 4. Keutamaan diberi kepada penyelidik yang telah menunjukkan komitmen dan prestasi memberangsangkan dalam penyelidikan. Pemohon/ ketua projek dan ahli-ahli projek hendaklah mengemukakan keterangan kerjaya (C.V) masing-masing dan maklumat mengenai hasil penerbitan hendaklah dalam tempoh 5 tahun kebelakangan sahaja.
 5. Pemohon, ketua projek atau ahli-ahli projek perlu mempunyai pengetahuan luas dalam bidang penyelidikan yang ingin dikaji. Pertukaran ketua projek mestilah mendapatkan kelulusan daripada KDN dan mestilah daripada organisasi yang sama serta mempunyai kepakaran dan pengalaman untuk mengetuai projek



1.5. JENIS CADANGAN PENYELIDIKAN

Cadangan penyelidikan yang dikemukakan hendaklah dikenalpasti di bawah inisiatif geran seperti berikut:

INISIATIF 1: Penyelidikan Perundingan/ Kontrak

Penyelidikan perundingan yang berdaftar dengan KDN. Cadangan penyelidikan, kadar bayaran, terma, jangka masa kerja dan ahli kumpulan Penyelidikan Perundingan dinyatakan dengan jelas oleh KDN bagi setiap projek.

INISIATIF 2: Penyelidikan yang dipohon

Penyelidikan yang dibuat berpandukan tumpuan/ tujuan semasa, program-program perkhidmatan teras KDN dan program-program semasa yang ditekankan oleh KDN.

1.6 KEPERLUAN BIDANG PENYELIDIKAN

Setiap permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah KDN perlu memenuhi kriteria seperti berikut:

- i. Penyelidikan yang dipohon merupakan projek yang dapat menghasilkan sesuatu penemuan yang mampu membangunkan/ meningkatkan perkhidmatan KDN kepada masyarakat;
- ii. Hasil Kajian akan dapat menambah baik sesuatu polisi supaya sentiasa relevan dengan trend dan perkembangan masalah dadah semasa;



- iii. Penyelidikan harus mampu membangun pelbagai kaedah terkini berdasarkan bukti saintifik yang mempunyai nilai tambah dan boleh dipraktikkan terutamanya dalam program-program pencegahan jenayah; dan
- iv. Penyelidikan haruslah mengambil kira pendekatan dan transformasi KDN serta Program Transformasi Kerajaan (GTP).

1.7 LOKASI PENYELIDIKAN

Penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Ilmiah KDN haruslah dijalankan di Malaysia sahaja.

1.8 JANGKAMASA PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah di antara empat (4) bulan hingga satu (1) tahun. Walau bagaimanapun, kelulusan untuk melanjutkan tempoh penyelidikan adalah tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Pemandu Penyelidikan KDN.

1.9 TANGGUNGJAWAB KETUA PENYELIDIK

Ketua Penyelidik haruslah bertanggungjawab dalam memastikan penyelidikan dijalankan secara efektif berdasarkan objektif, jangka masa dan peruntukan geran yang diberikan.

1.10 SKOP PEMBIAYAAN GERAN

Skop Pembiayaan adalah seperti berikut:

- i. **Perjalanan dan Pengangkutan**



Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan dan penginapan dalam negara (domestik) yang berkaitan dengan projek sahaja tertakluk kepada justifikasi dan rasional mengikut pekeliling kerajaan.

ii. Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Sewa pengangkutan mestilah dibuat dengan syarikat pengangkutan berlesen.

iii. Bahan Bekalan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan bahan dan bekalan yang berkaitan dengan kerja penyelidikan sahaja boleh dibuat. Keperluan pembelian peralatan khas bagi penyelidikan hendaklah disertakan justifikasi, spesifikasi dan sebut harga.

Nota: Sila nyatakan perincian bagi kos dan kuantiti item yang diperlukan.

iv. Perkhidmatan Dan Guna Tenaga

Lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, perkhidmatan profesional, konsultasi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tenaga kerja yang berkaitan dengan kerja penyelidikan dan sesuai dengan 'man hours' kerja penyelidikan berkenaan.



Nota: Setiap kos perkhidmatan yang diperlukan mestilah dinyatakan secara terperinci.

1.11 PERMOHONAN PENYELIDIKAN

Permohonan penyelidikan hendaklah dibuat melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan)/ Ketua Jabatan/Organisasi (mana-mana berkaitan).

1.12 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN

Surat kelulusan projek akan dimaklumkan kepada pemohon dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan)/ Ketua Jabatan/Organisasi (mana-mana berkaitan).

1.13 PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH PENYELIDIKAN

KDN hanya boleh mempertimbangkan permohonan lanjutan tempoh penyelidikan tanpa melibatkan pertambahan peruntukkan geran. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis sekurang-kurangnya **satu (1) bulan** dari tarikh tamat perjanjian. Tempoh perlanjutan yang dibenarkan adalah hanya sehingga **tiga(3) bulan** dari tarikh akhir yang telah ditetapkan dalam kontrak perjanjian.

1.14 PENERIMAAN TAWARAN GERAN PENYELIDIKAN

Semua penyelidik perlu mematuhi syarat yang telah dinyatakan dalam surat tawaran dengan mengisi serta menandatangani Borang Persetujuan bagi memaklumkan penerimaan dalam tempoh **14 hari** dan hendaklah dikembalikan ke Bahagian Perancangan Strategik KDN untuk tindakan selanjutnya dalam tempoh yang dinyatakan dalam surat tawaran.



1.15 PERJANJIAN PENYELIDIKAN

Satu dokumen perjanjian perlu ditandatangani dengan penyelidik setelah Jawatankuasa Pemandu Penyelidikan KDN bersetuju untuk memberi kelulusan geran tersebut (**seperti dalam Lampiran A**).

1.16 PENGAGIHAN PERUNTUKAN

Pembayaran akan dibuat oleh Bendahari Universiti/ Jabatan masing-masing. Penyelidik perlu mengemukakan nombor akaun Bendahari Universiti/ Jabatan kepada Cawangan Dasar dan Penyelidikan, Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan KDN. KDN akan memaklumkan kepada penyelidik sekiranya baucar bayaran telah dihantar kepada Bendahari Universiti/ Jabatan masing-masing bagi proses tuntutan dan sebagainya.

Pembayaran akan dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:

- i. **Bayaran Pertama** – Setelah selesai menandatangani Perjanjian Penyelidikan (20% daripada jumlah geran yang diperuntukkan)
- ii. **Bayaran Kedua** - Pembentangan Laporan Awal Penyelidikan (30% daripada jumlah geran yang diperuntukkan)
- iii. **Bayaran Ketiga** – Setelah selesai Pembentangan Laporan Kemajuan Penyelidikan (30% daripada jumlah geran yang diperuntukkan)
- iv. **Bayaran Akhir** – Setelah selesai Pembentangan Laporan Akhir (20% daripada jumlah geran yang diperuntukkan)

Sekiranya penyelidik tidak berupaya menamatkan kajian atas alasan yang tidak munasabah, maka pihak KDN berhak menuntut ganti rugi keseluruhan kos yang telah dibayar.



1.17 PENERBITAN, HAK HARTA INTELEKTUAL

Penerbitan

Hasil penyelidikan adalah menjadi hak bersama KDN dan penyelidik. Penyelidik perlu menerbitkan hasil kajian tersebut setelah mendapat kebenaran KDN. Penyelidik juga perlu menyatakan dengan jelas hasil kajian adalah hak milik penyelidik bersama KDN.

Hak Harta Intelektual

Hak pemilikan Harta Intelek adalah hak milik KDN. Penyelidik boleh memohon pendaftaran Harta Intelek sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa setelah mendapat kelulusan KDN. Segala perbelanjaan bagi perlindungan Harta Intelek adalah di bawah tanggungjawab penyelidik.

1.18 PENILAIAN PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH KDN

KDN telah membentuk dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah KDN dan Jawatankuasa Kerja Geran Penyelidikan Ilmiah KDN bagi menilai permohonan dan memantau proses penyelidikan.

Mesyuarat penilaian cadangan penyelidikan akan dilaksanakan pada bila-bila masa secara berperingkat dan keputusan permohonan diperoleh dalam tempoh 30 hari bekerja.

1.19 IMPLEMENTASI PROJEK

Projek yang diluluskan hendaklah di laksana mengikut kelulusan yang telah diberikan. Penyelidik diminta membuat pembedaan (jika berkaitan) mengikut komen yang telah diberi oleh panel penilai. Proposal yang telah dibetulkan hendaklah dikemukakan semula kepada KDN dan dianggap muktamad.



Kegagalan Penyelidik melaksanakan projek mengikut kelulusan yang telah diberikan dan/ atau gagal membuat pembetulan apabila diminta berbuat demikian oleh Panel Penilai akan membolehkan kelulusan yang diberikan kepada Penyelidik dibatalkan pada bila-bila masa.

1.20 PENGAWALAN DAN PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN

Penyelidik hendaklah menghantar laporan prestasi projek kepada Bahagian Perancangan Strategik yang terdiri daripada:

- i. Laporan Awal (*Inception Report*) meliputi kerangka konsep (*Conceptual Framework*) yang akan digunakan dalam penyelidikan. Laporan ini dihantar **dua (2) minggu** selepas tarikh pembentangan laporan kepada Jawatankuasa Pemandu penyelidikan KDN.
- ii. Laporan Kemajuan (*Interim Report*) meliputi pembentangan terhadap sebarang perubahan dan penambahbaikan penyelidikan setelah penilaian pertama dibuat ke atas Laporan Awal (*Inception Report*). Laporan ini dihantar **dua (2) minggu** selepas tarikh pembentangan laporan kepada Jawatankuasa Pemandu Penyelidikan KDN.
- iii. Ringkasan Eksekutif (*Executive Summary*) perlu dihantar dalam tempoh **dua (2) minggu** selepas projek disiapkan.
- iv. Laporan Akhir/ Hasil Dapatan Kajian (*Final Report*) meliputi laporan lengkap penyelidikan. Laporan ini perlu dihantar dalam tempoh **sebulan** selepas projek disiapkan.
- v. Artikel jurnal berkaitan penyelidikan dihantar dalam tempoh **dua (2) bulan** selepas projek disiapkan.



- vi. Poster dihantar dalam tempoh **sebulan** selepas projek disiapkan.

Bab 2: PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH KDN

2.1 PROSES PERMOHONAN GERAN

Permohonan perlu dikemukakan dengan menggunakan Borang Geran Penyelidikan KDN (**seperti dalam Lampiran B**).

Permohonan dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati bidang (**perenggan 1.3**) dan kriteria (**perenggan 1.4**).

Pemohon dikehendaki untuk mengemukakan **satu (1) salinan bercetak** Borang Permohonan bagi setiap permohonan dihantar kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D, 62546 Putrajaya dan **satu (1) salinan digital** dihantar melalui e-mel research@moha.gov.my.

2.2 MASA PERMOHONAN

Permohonan dibuka sepanjang tahun bergantung kepada kedudukan kewangan dan peruntukan yang sedia ada.

2.3 KERANGKA KERTAS PENYELIDIKAN

1. TAJUK PENYELIDIKAN/KAJIAN

- Tajuk merupakan permasalahan dalam kajian dan pemilihan tajuk kajian adalah berdasarkan perkara yang ingin dikaji oleh penyelidik.
- Tajuk haruslah ringkas, tepat dan jelas menggambarkan kajian yang dijalankan.

2. **ULASAN LITERATUR**

Haruslah mempunyai elemen berikut:

- Bahan rujukan bagi ulasan mestilah dalam lingkungan sehingga 5 tahun ke belakang.
- Rujukan haruslah relevan dan dalam skop lingkungan isu kajian yang dijalankan.
- Rujukan mestilah meliputi isu kajian yang dijalankan dan berkaitan dengan persoalan kajian.
- Rujukan mestilah dianalisis dan diolah berdasarkan kajian yang dijalankan.

3. **OBJEKTIF**

Bahagian ini menjelaskan objektif kajian yang boleh diukur dan menyatakan hasil yang dijangka.

4. **KEPENTINGAN PENYELIDIKAN**

Bahagian ini menerangkan tentang faedah kajian yang dilakukan. Kepentingan penyelidikan yang dijalankan haruslah dapat membantu KDN dalam menambah baik sesuatu program, pendekatan dan dasar yang sedia ada.

5. **METODOLOGI**

Metodologi penyelidikan menjelaskan tentang rekabentuk kajian yang akan dijalankan. Ia perlu mempunyai teknik analisis reka bentuk kajian dan aktiviti kajian secara terperinci. Terdapat lima bahagian utama yang perlu dibentangkan iaitu:

- i. Lokasi kajian;
- ii. Pemilihan sampel;
- iii. Pengumpulan data;
- iv. Pengukuran variable; dan



v. Penganalisan data.

6. RUJUKAN

- Bahan rujukan mestilah dalam lingkungan sehingga 5 tahun ke belakang sahaja.
- Teknik penulisan rujukan menggunakan format *American Psychological Association (APA)*.

7. "GANTT CHART"

Menjelaskan perancangan jangka masa bagi proses kajian. Ianya penting bagi penyelidik merangka dan membentangkan proses penyelidikan yang akan dilaksanakan. Tempoh adalah bergantung kepada jenis penyelidikan yang akan dilakukan dan peruntukan kewangan.

8. PERINCIAN JUMLAH KOS PROJEK

Penjelasan secara terperinci mengenai peruntukan kewangan yang diperlukan dalam menjalankan penyelidikan seperti dalam **perenggan 1.10**.

Bab 3: CARTA ALIR PENGURUSAN PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH KDN

3.1 Carta alir pengurusan permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah KDN seperti dalam **Lampiran C**.



PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Dalam Negeri

Tel : 03 -8886 3469

Faks : 03- 88883536/88891713

E-mel : research@moha.gov.my.

KDN berhak untuk meminda sebarang garis panduan dan peraturan tanpa notis awal terlebih dahulu.

DERAF